

27 AUG 1998

MCA-Sokong

TERUS SOKONG DR MAHATHIR, KATA MCA

KUALA LUMPUR, 27 Ogos (Bernama) -- Rakyat Malaysia perlu memberi sokongan berterusan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi memulihkan ekonomi yang terjejas kerana krisis kewangan yang disebabkan oleh penyangak mata wang.

Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik hari ini berkata, langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan di bawah kepimpinan Dr Mahathir untuk memajukan ekonomi negara selama ini telah menunjukkan kejayaan.

"Saya sentiasa memberitahu anggota-anggota MCA apabila negara mempunyai pemimpin yang baik seperti Dr Mahathir, kita tidak harus biarkannya pergi tetapi mesti berikan sokongan berterusan kepadanya...", kata beliau dalam ucapan dasarnya di seminar ekonomi yang dianjurkan oleh MCA di Wisma MCA, di sini.

Dr Ling yang juga Menteri Pengangkutan berkata, beliau sentiasa mengingatkan anggota-anggota parti bahawa perubahan kepimpinan negara bukan bermakna mereka boleh dapat pemimpin baru yang lebih baik.

Beliau berkata MCA, yang telah menjanjikan sokongan berterusan kepada semua langkah-langkah ini, akan menjalankan usaha-usaha pelengkap termasuk menganjurkan seminar di seluruh negara mengenai usaha-usaha pemulihan ekonomi Malaysia.

Dr Ling berkata, kempen anjuran MCA seperti Cintai Malaysia dan Belilah Barangan Malaysia telah menunjukkan kejayaan dan parti itu dalam proses menggalakkan penggunaan pelabuhan dan kemudahan tempatan di kalangan pengeksport dan pengimport.

Beliau berkata, rakyat khususnya wanita telah menunjukkan sokongan padu bagi kempen Belilah Barangan Malaysia dan ini akan mengelakkan ringgit mengalir keluar.

Dr Ling juga berkata, Malaysia terus berdiri teguh walaupun masalah ekonomi kerana kestabilan sosio-politiknya.

"Ini merupakan kekuatan kita dan ini telah diakui oleh musuh kita," dan rakyat mesti bersedia kerana musuh mahu mengambil kelebihan pada negara ini.

-- BERNAMA

ARA PR